

Kerajaan tiada polisi beri IC kepada pendatang, kata Dr Mahathir
Malaysian Insider
Sept 11 , 2013
OLEH LEE SHI-IAN

Kerajaan tidak boleh dipersalahkan berhubung pendatang asing yang memperoleh MyKad secara haram, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad (gambar) yang memberi keterangan di hadapan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung pendatang asing di Sabah hari ini.

"Pendatang asing ini mungkin memperoleh MyKad secara haram atau wujud salah laku pegawai kerajaan, perkara itu bukan polisi kerajaan untuk mengeluarkan MyKad dengan cara salah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Pesuruhjaya Tinggi RCI dan bekas Peguam Negeri Sabah, Herman Luping yang bertanya mengenai 113,000 pemegang MyKad di Sabah yang dicurigai selain 49,000 pendatang didaftar dalam daftar undi pilihan raya.

Herman turut merujuk kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara, Datuk Jariah Mohd yang hadir semalam.

Pada sidang semalam, beliau mendedahkan mengenai jumlah pemegang MyKad di Sabah yang dicurigai dan jawatankuasa kerja khas yang menyiasat isu itu.

"Proses perundangan jelas berhubung pengeluaran MyKad kepada warga asing.

Ia terpulang kepada kerajaan sama ada ingin memberikan kerakyatan kepada warga asing," kata Dr Mahathir yang turut berkata, warga asing yang layak mengundi adalah warganegara Malaysia.

"Segalanya berada di bawah peruntukan undang-undang namun terdapat pelaksanaan yang sukar dan kurang berkesan. Sesetengah kes menyentuh isu geografi dan juga isu mereka yang tidak menjalankan tanggungjawab dengan baik," katanya. - 11 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kerajaan-tiada-polisi-beri-ic-kepada-pendatang-kata-dr-mahathir>